



BILANGAN 28 LADANG AYAM BERJUMLAH BERAPA?

Kita Perlu Tahu

KEADAAN DI SINGAPURA
Haruskah saya berasa cemas?

Tidak. Ini adalah kerana Singapura bebas daripada demam burung. Tambahan lagi, demam burung bukan merupakan ancaman besar kepada kesihatan awam sebab ladang ternak ayam di Singapura berjumlah berapa buah sahaja, dan penyembelihan ayam itik tidak dilakukan di pasar-pasar basah.

Apakah yang dilakukan Pemerintah untuk mencegah demam burung daripada merebak di Singapura?

Demam burung bukan merupakan ancaman besar kepada kesihatan awam sebab **ladang** ternak ayam di Singapura **berjumlah berapa** buah sahaja, dan penyembelihan ayam itik tidak dilakukan di pasar-pasar basah.

Ladang biasanya dirujuk kepada usaha-usaha penanaman tumbuh-tumbuhan atau tanam-tanaman. Ladang disamakan dengan kebun yang luas atau estet. Penggunaan 'ladang' untuk ayam itik merupakan satu daya untuk meluaskan makna kekata tersebut. Dan, mungkin boleh dikembangkan kepada 'ladang burung unta (kasuari)', ladang kuda, ladang arnab, dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, kekata ladang itu tidak boleh digantikan dengan kebun, mahupun estet.

Kalau tidak mahu menggunakan 'ladang', kita boleh mengekalkan penggunaan tempat, pusat, kawasan, dan sebagainya. Sekadar contoh: Kawasan penternakan kuda, pusat penternakan lembu, tempat penternakan kambing, dan sebagainya.

'Berapa' pula digunakan untuk menanyakan jumlah (ukuran, bilangan, harga, ketinggian, dll). Sebagai kata tanya, kedudukannya boleh di awal kalimat atau di akhir kalimat.

- 1) Berapakah harganya?
- 2) Harganya berapa?
- 3) Berapakah jumlah wang simpanannya di bank itu?
- 4) Saiz songkok yang hendak dibelinya berapa?

Bagi penggunaan yang tepat, ayat petikan tersebut hendaklah berbunyi:

- 5) Demam burung bukan merupakan ancaman besar kepada kesihatan awam sebab pusat penternakan ayam tidak seberapa jumlahnya, atau
- 6) Demam burung bukan merupakan ancaman besar kepada kesihatan awam sebab jumlah tempat penternakan ayam tidak seberapa.

Seperkara lagi ialah penggunaan kata nafi 'bukan'. Apakah silapnya? Sila lihat bilangan seterusnya.